

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “ACE ENTERPRISE BOOSTER”

Kempen “ACE Enterprise Booster” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut (“Terma dan Syarat”) akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2023** hingga **31 Disember 2023**, termasuk kedua-dua tarikh, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan bukan individu, iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini: -
- a) pelanggan individu;
 - b) bukan individu yang diisytiharkan bankrap, menghadapi penggulungan atau mempunyai apa jua bentuk prosiding undang-undang yang dijalankan terhadap mereka; dan
 - c) bukan individu yang akaun mereka dipegang dengan PBB dan/atau Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditentukan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

- 3.1 Produk / Perkhidmatan yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk / Perkhidmatan yang Layak
1.	Akaun ACE Enterprise* (“ACE Enterprise”)
2.	PB enterprise [#]
3.	Pindahan Bertelegraf Asing Keluar [^] (“FTT”)

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- # PB enterprise ialah platform perbankan dalam talian korporat PBB bagi perniagaan dan korporat.
- ^ Urus niaga yang dibuat melalui FTT tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

3.2 Kempen ini menawarkan manfaat yang berikut:

- a) Ganjaran Tunai Alu-aluan; dan
- b) Diskaun 50% untuk caj kabel bagi FTT Keluar melalui PB enterprise.

4. Ganjaran Tunai Alu-aluan

4.1 Peserta yang Layak dikehendaki memenuhi SEMUA kriteria yang berikut untuk berpeluang memenangi Ganjaran Tunai Alu-aluan :

- a) Buka ACE Enterprise baharu dan daftar untuk PB enterprise semasa Tempoh Kempen; and
- b) Kekalkan Baki Purata Harian (“ADB”) seperti dalam Jadual A selama 90 hari dalam ACE Enterprise baharu tersebut, dikira dari tarikh pembukaan akaun.

4.2 Pemenang Ganjaran Tunai Alu-aluan akan dipilih berdasarkan 100 ADB tertinggi bagi kategori masing-masing seperti yang berikut:

Jadual A

Kategori	ADB	Ganjaran Tunai (RM)	Bilangan Pemenang
1	RM18,000 hingga kurang daripada RM88,000	80	100
2	RM88,000 hingga kurang daripada RM188,000	180	100
3	RM188,000 dan ke atas	380	100
Jumlah			300

4.3 Pengiraan ADB dalam ACE Enterprise adalah seperti yang berikut:

ADB	=	$\frac{\text{Jumlah baki akhir hari untuk 90 hari dari tarikh pembukaan akaun}}{90 \text{ hari}}$
-----	---	---

Ilustrasi bagi pengiraan di atas adalah seperti yang berikut:

Ilustrasi 1: ACE Enterprise dibuka pada 11 Oktober 2023

Tarikh	Baki akhir hari harian
11 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023	RM20,000
1 Januari 2024 hingga 8 Januari 2024	RM18,000

Baki akhir hari harian teragregat	$(RM20,000 \times 82 \text{ hari}) + (RM18,000 \times 8 \text{ hari}) = RM1,784,000$
Jumlah bilangan hari dari hari pembukaan akaun	90 hari
ADB	$RM1,784,000 / 90 \text{ hari} = RM19,822.2$

Peserta yang Layak akan layak menerima Ganjaran Tunai Alu-aluan sebanyak RM80 sekiranya Peserta yang Layak merupakan antara 100 ADB tertinggi untuk Kategori 1.

Ilustrasi 2: ACE Enterprise dibuka pada 1 Oktober 2023

Tarikh	Baki akhir hari harian
1 Oktober 2023 hingga 30 November 2023	RM17,000
1 Disember 2023 hingga 29 Disember 2023	RM20,000

Baki akhir hari harian teragregat	$(RM17,000 \times 61 \text{ hari}) + (RM20,000 \times 29 \text{ hari}) = RM1,617,000$
Jumlah bilangan hari dari hari pembukaan akaun	90 hari
ADB	$RM1,617,000 / 90 \text{ hari} = RM17,966.67$

Peserta yang Layak ini tidak akan berpeluang untuk memenangi Ganjaran Tunai Alu-aluan dalam kesemua kategori.

- 4.4 Setiap Peserta yang Layak layak memenangi satu (1) sahaja Ganjaran Tunai Alu-aluan sepanjang Tempoh Kempen.
- 4.5 Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya ADB yang dikekalkan dalam ACE Enterprise baharu Peserta yang Layak adalah sama, pemenang akan dipilih berdasarkan tarikh pembukaan ACE Enterprise baharu tersebut, yang mana Peserta yang Layak yang membuka ACE Enterprise baharu terlebih dahulu pada tarikh dan masa yang lebih awal semasa Tempoh Kempen seperti yang direkodkan dalam sistem PBB, akan diutamakan berbanding dengan akaun yang dibuka pada tarikh dan masa kemudian.
- 4.6 Ganjaran Tunai Alu-aluan akan dikreditkan dalam ACE Enterprise Peserta yang Layak dalam tempoh enam (6) bulan selepas akhir Tempoh Kempen.

5. Pindahan Bertelegraf Asing Keluar (“FTT”)

- 5.1 Peserta yang Layak yang membuat FTT keluar minimum sebanyak RM10,000 (atau nilai setara dalam mata wang asing) melalui PB enterprise dengan mendebit daripada ACE Enterprise masing-masing akan menikmati pengecualian sebanyak 50% untuk caj kabel semasa Tempoh Kempen seperti yang berikut:

Jenis Mata wang	Caj Kabel Semasa bagi Setiap Urus niaga (RM)	Diskaun 50% untuk Caj Kabel bagi Setiap Urus niaga (RM)
Dolar Singapura (SGD)	10	5
Semua mata wang lain	20	10

- 5.2 Diskaun untuk caj kabel di atas diterima pakai bagi ACE Enterprise baharu dan sedia ada.

6. Terma dan Syarat Lain

- 6.1 Ganjaran Tunai Alu-aluan yang ditawarkan di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar untuk tunai pendahuluan, kredit atau barang, sebahagian atau sepenuhnya.
- 6.2 Peserta yang Layak tidak akan layak untuk menerima Ganjaran Tunai Alu-aluan di bawah Kempen ini sekiranya ACE Enterprise ditutup, menjadi tidak aktif atau dorman, ditukar, digantung, dibatalkan atau ditamatkan sebelum Ganjaran Tunai Alu-aluan dikreditkan dalam ACE Enterprise milik Peserta yang Layak.

- 6.3 PBB berhak untuk menarik balik apa-apa Ganjaran Tunai Alu-aluan sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk/Perkhidmatan yang Layak dan/atau mana-mana terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini tidak dipatuhi.
- 6.4 Kempen in **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi produk dan kempen lain yang ditawarkan secara serentak oleh PBB.

7. Terma dan Syarat Am

- 7.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk/Perkhidmatan yang Layak dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan pada terma dan syarat tersebut). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk/Perkhidmatan yang Layak, dan/atau perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 7.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB dalam apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 7.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberikan keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak yang diberi bagi tujuan Kempen ini.
- 7.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun bertanggungjawab bagi apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 7.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.

- 7.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, berkaitan tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehpasaran atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 7.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 7.8 PBB berhak untuk:
- a) menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda tersebut akan diterima pakai mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini;
 - b) membatalkan, menarik balik, menggantung, atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau kesemua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak, secara langsung atau tidak langsung, sama ada disebabkan oleh pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan itu.
- 7.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 7.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak melalui laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
